

Momentum



BULETIN RASMI JKR JOHOR

EDISI 2019



SEKALUNG BUDI SEMANIS MEMORI

Ir. HAJI MOHAMMAD SALLEH BIN ABU BAKAR - ms 4

Isi KANDUNGAN

- 4** Sekalung Budi Semanis Memori - Majlis Persaraan Tuan Pengarah Kerja Raya
- 7** Program Mengecat Jalan Bersama EXCO Kerja Raya, Pengangkutan & Infrastruktur
- 8** Lawatan Kerja Timbalan Menteri Kerja Raya ke JKR Johor
- 10** Pembukaan Persimpangan Bandar Pulau Jaya - Lebuhraya Link Ke-2 mampu elak kesesakan.



- 11** Penyerahan Projek Mahkamah Syariah Muar, Johor
- 12** Lawatan Kerja Menteri Kerja Raya ke laluan FT50 Jalan Kluang - Batu Pahat, Johor
- 14** Program Outreach Akrab JKR Malaysia Tahun 2019
- 15** Penyerahan Balai Bomba & Penyelamat Sebana Cove dan Sungai Rengit
- 16** Majlis Menandatangani Dokumen Penyerahan Bangunan Tambahan (Fasa 2) Ibu Pejabat Kontijen (IPK) Johor
- 18** Pengurusan Bencana dalam menangani musim banjir
- 20** Penyerahan Projek Kuarters Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC), Kota Tinggi
- 21** Lawatan Sambil Belajar ke Projek Pembinaan Menara 118
- 22** Galeri Program & Aktiviti Tahun 2019

Sidang REDAKSI

Penaung:

Ir. Haji Mohamad Salleh Bin Abu Bakar
Pengarah Kerja Raya Johor

Penasihat:

Ir. Haji Mohd Said Bin Sidik
Timbalan Pengarah Kerja Raya Johor

Ketua Editor:

Ir. Haji A. Jalil Bin Sazali
Jurutera Awam Penguasa Kanan
Ketua Cawangan Perancangan Aset
Bersepadu JKR Johor

Rekabentuk & Grafik:

Azmil Shah Bin Aziz

Artikel & Informasi:

Cawangan, Bahagian & JKR Daerah

Penerbit:

Pengurusan Media & Komunikasi
Unit Pengurusan Korporat JKR Johor
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman
Andak, 79582 Kota Iskandar,
Iskandar Puteri,
Johor Darul Ta'zim

EDISI 2019

Perutusan Pengarah JKR JOHOR

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang.

Syukur kehadiran Ilahi dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua dapatlah kita himpungkan satu wadah perkongsian untuk dimanfaatkan kepada semua warga kerja Jabatan Kerja Raya Johor. Sekalung tahniah diucapkan kepada pasukan sidang redaksi Buletin JKR Johor yang telah mengembleng idea dan tenaga bertungkus lumus menyempurnakan buletin ini untuk kita dedikasinya.

Dengan nama baharu, "MEMONTUM" diharapkan buletin JKR Johor ini dapat menjadi platform baharu kepada warga kerja JKR sebagai sumber rujukan, kenangan dan hebahan maklumat tidak kira dalam apa jua bidang dan perkhidmatan.

Sebagai agensi teknikal negeri yang berperanan dalam merancang, membangun, mengurus, menyelia dan memantau pengurusan projek, perkhidmatan pelanggan semestinya kita berhasrat untuk menjadi sebuah agensi yang berintegriti, inovasi dan inklusif dalam mencapai objektif dan sasaran.

Sebarang rintangan dan dugaan yang sentiasa ada pada masa kini, kita akan terus berusaha untuk menangani setiap halangan tersebut untuk kita menuju kearah yang lebih baik. Usaha dan perancangan memerlukan kerjasama semua pihak dan perlu dipergiatkan lagi untuk mencapai cita-cita tersebut.

Tr. Haji Mohamad Salleh Bin Abu Bakar



Coretan Ketua EDITOR

Dipanjangkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat ilahi, Jabatan Kerja Raya Johor dapat menerbitkan Buletin JKR Johor bagi edisi 2019 ini. Bersempena dengan keluaran ini, Kita akan menamakan Buletin JKR Johor dengan nama Momentum sesuai dengan peranan dan fungsi JKR dalam menggerakkan pembangunan negeri dan persekutuan.

Dengan lembaran yang baharu, kami disini akan terus memastikan Momentum dapat menjadi wahana bagi mengumpul dan menyebarkan maklumat-maklumat dan aktiviti-aktiviti jabatan dan program-program berkaitan yang telah dijalankan oleh JKR Johor.

Dengan kerjasama yang baik dari cawangan, bahagian, dan JKR daerah, maka terbitlah Momentum yang akan menjadi simbolik kebanggaan buat seluruh warga kerja JKR Johor. Kerjasama dan komitmen yang memberangsangkan ini dapat mengekspresikan segala inisiatif yang telah dan sedang diusahakan.

Ribuan terima kasih dan sekalung tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan Buletin Momentum ini.

Sekian

Tr. Haji A. Jalil Bin Szali

SEKALUNG BUDI SEMANIS MEMORI

Majlis Persaraan Ir. Haji Mohammad Salleh Bin Abu Bakar, Pengarah Kerja Raya Johor

Tanpa sedar, masa telah berlalu dengan sangat pantas. Menanti beberapa bulan lagi tibanya tahun 2020, Kita terpaksa mengucapkan Selamat bersara buat Tuan Pengarah yang disayangi, Ir. Haji Mohammad Salleh Bin Abu Bakar yang tamat perkhidmatannya dalam kerajaan pada 22 Oktober 2019 di usia 60 tahun. Tuan Haji antara Pengarah yang sangat mesra dengan kakitangan tidak kira pengurusan atasan mahupun bawahan.

Jabatan Kerja Raya Johor telah mengadakan satu majlis sebagai tanda penghargaan buat YBhg. Tuan Ir. Haji Mohammad Salleh sepanjang berkhidmat dengan JKR Johor. Sekalung Budi Semanis Memori merupakan satu majlis kenang-kenangan dan ramah mesra bersama kakitangan JKR Johor dan daerah.

Majlis Sekalung Budi Semanis Memori diadakan di Dewan Serbaguna JKR Johor Bahru pada hari terakhir perkhidmatan iaitu 21 Oktober 2019. Hadir sama meraikan, Timbalan Pengarah Kerja Raya, Ir. Haji Md. Said Bin Sidik. Turut sama memeriahkan majlis, semua pengurusan tertinggi JKR Johor, Jurutera Daerah dan semua kakitangan JKR Johor.

Majlis persaraan Tuan Pengarah telah diserikan lagi dengan persembahan oleh semua JKR Daerah dan Cawangan. Persembahan ini merupakan idea Tuan Timbalan Pengarah sebagai komitmen kakitangan dalam menunjukkan penghargaan selain pemberian cenderahati oleh bahagian masing-masing. Lebih menggembirakan, kesemua Cawangan dan JKR Daerah mengambil bahagian.







Tuan Ir. Haji Mohammad Salleh Bin Abu Bakar mula dilantik sebagai Pengarah Kerja Raya Johor pada Disember 2016 selepas Ir. Haji Asri Bin Arjan bersara wajib. Menjadi kesinambungan jawatan sebelum ini, Timbalan Pengarah Kerja Raya Johor terus menaiki kedudukan sebagai Pengarah dengan perkenan DYMM Sultan Johor.

Ir. Haji Asri Bin Arjan sebelum ini juga merupakan Timbalan Pengarah dibawah Pengarah Dato' Sri Abu Bakar Ahmad. Sebaik sahaja dilantik, Ir. Haji Mohammad Salleh dinamakan sebagai Timbalan Pengarah dan mendapat perkenan DYMM Sultan Johor.

Tuan Ir. Haji Mohammad yang lahir pada 22 Oktober 1959 memulakan khidmatnya dalam kerajaan pada 16 Jun 1982. Bermula di KPKT sebelum berpindah ke JKR Pahang Tenggara 1984. Tuan Haji mula berkhidmat di Johor sebagai Ketua Penolong Pengarah Korporat pada tahun 2008 sebelum dinaikkan pangkat pada 2014.

Tidak sampai setahun, khidmat Tuan Haji diperlukan di Johor apabila dilantik sebagai Timbalan Pengarah pada tahun 2014 dan menjadi Pengarah pada tahun 2016. Kami warga kerja mengucapkan Selamat maju Jaya, dan semoga sentiasa dirahmati dan diberikan kesihatan yang berpanjangan.

SELAMAT BERSARA!



PROGRAM MENGECAT JALAN BERSAMA YB. EXCO


Program Mengecat Jalan Bersama YB. EXCO adalah merupakan sebahagian dari aktiviti utama jabatan diketuai oleh JKR Kluang dan kerjasama dengan JKR Kota Tinggi serta Syarikat-syarikat konsesi di Negeri Johor. Ianya sebagai simbolik dari tugas untuk menyempurna dan menyiapkan kerja bagi laluan-laluan utama penghubung.

Program tersebut disempurnakan oleh YB. EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri, Tuan Haji Mohd Solihan Badri pada 22 Ogos 2019 yang lalu. Hadir sama Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri, Puan Maisara Ashran Binti Mustafa, Jurutera Awam Penguasa Jalan, Encik Zakariah Mahat dan Jurutera Daerah Kluang, Ir. Aidi Md. Salleh.



Garisan jalan atau 'road marking' adalah sebahagian dari komponen utama jalan raya. Ianya adalah peranti atau bahan yang digunakan pada permukaan jalan yang terdiri dari garisan memanjang dan melintang, serta penanda jalan seperti simbol, anak panah dan perkataan.

Ia berfungsi untuk mengawal dan memastikan aliran trafik teratur dan lancar, memberi amaran dan menyampaikan maklumat kepada pengguna jalan raya.





Lawatan Kerja **YB. TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE JKR JOHOR**

Pada 30 September 2019, Jabatan Kerja Raya Johor sukacita telah menjemput YB. Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia, Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir untuk mengadakan Lawatan Kerja ke JKR Johor. Ianya sebagai langkah pengurusan untuk menyuarakan sebarang cadangan, keperluan dan menarik perhatian YB. Timbalan Menteri untuk mengetahui situasi semasa di JKR Negeri dan Daerah serta mengenai Negeri Johor.

Ketibaan YB. Timbalan Menteri Kerja Raya telah disambut oleh YB. Tuan Haji Solihan Badri, EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor. Hadir sama Timbalan Pengarah Kerja Raya Johor, Ir. Haji Mohd Said Bin Sidik bagi. Tuan Pengarah yang tidak dapat bersama oleh kerana menghadiri Mesyuarat Pengarah-Pengarah JKR Malaysia di Ibu pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur.



YB. Timbalan Menteri meluangkan masa melawat bahagian-bahagian di Ibu pejabat JKR Johor sambil beramah mesra dengan kakitangan. Meskipun YB merupakan seorang Timbalan Menteri, namun dapat dilihat beliau mengetepikan protokol untuk lebih mudah berinteraksi dan kakitangan tidak rasa kekak untuk menyampaikan salam dan terima kasih.

Dikesempatan itu juga, YB. Timbalan Menteri mengadakan pertemuan dengan semua Pegawai Kanan JKR Johor. YB turut melahirkan rasa terima kasih kepada pihak pengurusan yang menjemputkan dan berkongsi maklumat selain pengetahuan mengenai Negeri Johor. Beliau juga akan terus berusaha memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dalam struktur organisasi JKR dan menambahbaik perkhidmatan untuk kesejahteraan rakyat bersama.



PEMBUKAAN PERSIMPANGAN BANDAR PULAI JAYA-LEBUHRAYA LINK KEDUA MAMPU ELAK KESESAKAN

Dengan hanya 10 minit dari Kangkar Pulai - Bandar Kulai, 30 minit untuk ke Tuas, Singapura dan mampu mengelak kesesakkan pada waktu puncak di FT5 Lebuhraya Pontian - Skudai

Akibat tertangguh sekian lama, persimpangan yang menghubungkan kawasan Kangkar Pulai terutama Bandar Pulai Jaya untuk menghala ke Bandar Kulai dan Tuas, Singapura melalui Link Ke-2 telah pun selamat dibuka dengan rasminya pada 11 November 2019 yang lalu.

Perasmian dan pembukaan persimpangan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Besar Johor, Dato' Dr. Sahrudin Jamal. Hadir sama Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur, Tuan Haji Mohd Solihan Badri; EXCO Perumahan, Komunikasi dan Multimedia, Dr. Dzulkefly Ahmad dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Haji Azmi Rohani.

Pembukaan ini bukan sahaja memberi kemudahan dan manfaat kepada penduduk setempat malah dapat menjimatkan masa perjalanan terutama dari Pekan Kangkar Pulai ke Kulai mahupun ke Tuas, Singapura.

Para pengguna juga boleh terus ke Lebuhraya Utara Selatan tanpa melalui pintu masuk TOL Skudai sepertimana kebiasaan. Ianya mampu mengelak kesesakan utama pada waktu puncak di FT5 Lebuhraya Pontian - Skudai berhampiran Taman Sri Pulai Perdana, Universiti Teknologi Malaysia dan Taman Universiti, Skudai.

Menteri Besar dalam ucapannya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pemaju dan semua agensi terlibat yang bekerja keras dan usaha menyiapkan projek ini. Pasti nya laluan ini akan memberi manfaat kepada semua pengguna khususnya kepada mereka yang ingin ke Tuas dan ke Kuala Lumpur.



Penyerahan Projek MAHKAMAH SYARIAH MUAR

Oleh: JKR Muar

Pembinaan Bangunan Mahkamah Syariah Muar telah berjaya siap sepenuhnya sepertimana yang dirancang. Projek dibawah seliaan JKR Muar telah diserahkan kepada pelanggan pada 15 Mei 2019 di dalam satu majlis ringkas.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Ir. Haji Mohamad Salleh Abu Bakar, Pengarah Kerja Raya Johor mewakili agensi pelaksana kepada pihak pelanggan yang diwakili pihak Mahkamah Syariah.

Hadir sama, Jurutera Daerah JKR Muar, Ir. Rahmat Rashib; Pasukan Projek JKR Muar; Pegawai-pegawai kerajaan dan pihak kontraktor.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak di atas kerjasama dan usaha berterusan untuk memastikan projek ini dapat disempurnakan pada masa yang ditetapkan terutama HODT, HOPT, Kontraktor, Sub-Kontraktor dan kakitangan yang terlibat.





Mengiringi lawatan Menteri ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pembangunan) KKR, Datuk Abdul Razak Jaafar, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia, Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Osman, dan Pengarah Kerja Raya Negeri Johor, Ir. Haji Mohamad Salleh bin Abu Bakar. Taklimat projek telah disampaikan oleh Jurutera Daerah Batu Pahat, Tuan Ir. Zainal bin Tumian. (Sumbangan gambar: Unit Komunikasi Korporat KKR)



PROGRAM OUTREACH AKRAB JKR MALAYSIA TAHUN 2019

Program Outreach AKRAB JKR Malaysia Tahun 2019 bertemakan "Semangat Yang Bangkit" telah berlangsung dengan jayanya pada 8 Oktober 2019 bertempat di Dewan Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar Johor. Program Outreach ini merupakan program tahunan yang dirancang bertujuan untuk menyebarkan dan mempromosikan kewujudan dan peranan ahli AKRAB serta aktiviti-aktiviti AKRAB kepada warga JKR di peringkat Ibu Pejabat dan juga JKR Negeri. Program pada kali ini telah dianjurkan secara bersama oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, AKRAB JKR Malaysia dan JKR Negeri Johor.



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Ir. Haji Mohamad Salleh bin Abu Bakar, Pengarah JKR Negeri Johor. AKRAB SUK Johor turut dijemput hadir ke program outreach AKRAB JKR ini bagi mengeratkan lagi hubungan persahabatan sesama AKRAB. Program ini telah berjaya menarik minat seramai 160 orang peserta yang terdiri dari ibu pejabat JKR Negeri Johor dan seluruh JKR daerah Johor. Antara program yang telah diadakan adalah:

1. Sesi Taklimat Pengenalan AKRAB JKR Malaysia
2. Sesi Ceramah Motivasi oleh Cawangan Pengurusan Psikologi, Kementerian Kerja Raya Malaysia
3. Sesi Pameran berkaitan Parenting Style, Numeorology, Stredis, Art Therapy dan Interaktif Games .

Sesungguhnya platform AKRAB ini adalah cerminan kepada komitmen serta sokongan padu terhadap usaha JKR Malaysia mewujudkan modal insan yang cemerlang dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua warga kerja JKR.



TEKNIKAL

PENYERAHAN PROJEK BALAI BOMBA & PENYELAMAT SEBANA COVE DAN BALAI BOMBA & PENYELAMAT SG. RENGIT



MAJLIS MENANDATANGANI DOKUMEN PENYERAHAN PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN (FASA 2) IPK JOHOR

Pembinaan Projek Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Johor (Fasa 2) telah diserahkan secara rasmi kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai jabatan pelanggan pada 21 April 2019 yang lalu.

Satu majlis menandatangani dokumen penyerahan di antara Kontraktor, JKR dan pelanggan telah diadakan di Dewan Auditorium Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor.

Penyerahan dibuat diantara Pegawai Penguasa Projek iaitu Pengarah Kerja Raya Johor, Ir. Haji Mohamad Salleh Bin Abu Bakar, dengan pihak pelanggan, Dato' Haji Mohd Dusuki Bin Ya'acob, Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri (KDN).





Bangunan Tambahan IPK Johor (FASA 2) telah mula dibina pada 26 April 2018 dan siap sepenuhnya pada 31 Mac 2019. Penyerahan Skop Kontrak (FASA 2) melibatkan 5 unit iaitu :-

- (1) Unit Dataran Padang Kawad.
- (1) Unit Padang Bola.
- (1) Unit Pentas Hormat dan,
- (2) Unit Lycorpole High Mast.

Turut hadir ialah DCP Dato' Mohd Kamarudin Bin Md Din, Timbalan Ketua Polis Johor, Ir. Haji Alias Bin Md. Zin, Ketua Pasukan Projek Persekutuan Negeri Johor; ACP Shahurinain Bin Jais, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan (JBS), Jurutera-jurutera Pasukan Projek, dan Kakitangan JKR serta wakil-wakil dari KDN. Tahniah diucapkan kepada semua team yang terlibat sehingga penyerahan ini dapat dilaksanakan.



PENGURUSAN BENCANA DALAM MENANGANI MUSIM BANJIR



Pada hujung Disember 2019, Negeri Johor antara negeri yang mengalami banjir terutama di kawasan tanah rendah di Daerah Kota Tinggi dan sebahagian di daerah Johor Bahru, Mersing serta Pontian. Beberapa jalan utama telah ditutup kepada kenderaan awam akibat paras air yang tinggi. Bagaimanapun, JKR Johor melalui Unit Bilik Gerakan Bencana telah bersiap siaga melaporkan status-status terkini laluan utama bagi memudahkan pengguna jalan raya mengetahui laluan-laluan alternatif yang dibenarkan.

Antara JKR yang terlibat secara langsung berikutan banjir yang terjejas teruk adalah JKR Kota Tinggi. Ianya berikutan jalan utama FT001 Jalan Kota Tinggi - Mersing terjejas teruk yang tidak boleh dilalui oleh kenderaan awam. Selain mengenalpasti laluan-laluan utama ini selamat digunakan atau tidak, Pasukan Penyelamat JKR turut memberikan bantuan dengan memindahkan mangsa banjir dan menghantar bekalan makanan ke Pusat Pemindahan sementara di kawasan berdekatan.

Kawasan-kawasan yang terjejas mendapat perhatian DYMM Sultan Johor, Pemimpin utama Kerajaan, agensi-agensi dan Persatuan Bukan Kerajaan NGO dalam mendapatkan status bencana dan agihan keperluan kepada mangsa.



INFO BANJIR

Banjir merupakan bencana yang paling kerap berlaku di Malaysia. Sembilan puluh tujuh peratus (97%) air di bumi merupakan air laut dan cuma 0.014% terdapat di tasik, sungai, bawah tanah dan di udara. Banjir adalah merupakan limpahan air yang berlebihan bagi sesuatu sistem saliran. Bencana banjir yang melanda Malaysia boleh dikategorikan kepada banjir kilat / ribut tropika dan banjir monsun.

Banjir kilat biasanya berlaku di kawasan pembangunan yang mempunyai sistem saliran yang tidak mampu menanggung jumlah air yang banyak secara tiba-tiba. Banjir ini biasanya surut dalam masa yang singkat.

Banjir monsun pula berlaku dalam tempoh spesifik iaitu musim Tengkujuh Timur Laut dari bulan Oktober sehingga Februari dan musim Tengkujuh Barat Daya yang kebiasaannya bermula pada bulan Mei sehingga Ogos. Antara Negeri-Negeri yang banjir akibat hujan monsun Tengkujuh Timur Laut adalah Negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, Pahang serta Sabah dan Sarawak. Manakala Banjir yang berlaku di Negeri Perlis dan Kedah adalah diakibatkan oleh hujan monsun Tengkujuh Barat Daya.

Peranan dan tanggungjawab JKR dalam pengurusan bencana banjir di Malaysia setiap tahun adalah seperti berikut:-

1. Memasangkan penanda kayu di kedua-dua belah jalan persekutuan atau jalan negeri yang sering dilanda banjir bagi memantau ketinggian paras air banjir.
2. Membuat pemeriksaan terhadap cerun, pemetung, jambatan dan sistem saliran untuk memastikan ia selamat dan tidak tersumbat.
3. Menyimpan stok bahan pembinaan untuk kerja-kerja kecemasan serta jambatan kelului bermodular (bailey bridge).
4. Melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecemasan terhadap jalan yang rosak akibat banjir.
5. Menutup jalan yang dilanda banjir, memasang papan tanda lencongan laluan alternatif atau membina jalan alternatif supaya aktiviti masyarakat setempat tidak terjejas.
6. Menghulukan bantuan dari segi logistik, peralatan dan jentera kepada agensi-agensi kerajaan yang lain sekiranya terdapat keperluan.

Maklumat terkini berkaitan dengan amaran paras air sungai dan cuaca buruk yang bermungkinan akan mengakibatkan banjir, boleh didapati di laman sesawang yang berikut:-

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)
Jabatan Pengaliran dan Saliran Malaysia (JPS)

Sumber: <http://bencanaalam.jkr.gov.my/v2/index.php>



PENYERAHAN PROJEK MENYIAPKAN BAKI KERJA KUARTERS CURE & CARE REHABILITATION CENTRE (CCRC) KOTA TINGGI

Majlis Penyerahan Projek Menyiapkan Baki Kerja Bangunan Kuarters Bagi Cure And Care Rehabilitation Centre (CCRC) Kota Tinggi telah diadakan pada 2 Mei 2019 diantara pihak JKR Kota Tinggi bersama pelanggan, Kementerian Dalam Negeri (KDN). JKR Kota Tinggi diwakili oleh Jurutera Daerah, Ir. Normansah Bin Bokhari manakala Tuan Haji Jalil Husni Bin Yahya, Timbalan Setiausaha Bahagian 1, Bahagian Pembangunan KDN mewakili jabatan pelanggan.

Majlis turut dihadiri oleh Wakil Pegawai Daerah Kota Tinggi, Pihak Cawangan Keselamatan Ibu Pejabat JKR Malaysia, AADK Putrajaya, Pengarah CCRC Kota Tinggi dan wakil dari Cawangan Kejuruteraan Elektrik dan Mekanikal Negeri Johor serta pengarah Urusan Sykt Majidee Holdings Sdn. Bhd.

Pihak pengurusan mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas kerjasama dan usaha berterusan untuk memastikan baki projek ini dapat disempurnakan pada masa yang ditetapkan.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PROJEK PEMBINAAN MENARA 118

Pasukan Projek Khas Persekutuan Negeri Johor telah mengadakan Lawatan tapak Sambil Belajar ke Projek Pembinaan Menara 118 yang juga dikenali Merdeka 118. Projek pembinaan yang akan menjadi bangunan tertinggi di Malaysia dan juga asia itu kini telah mencapai 40 peratus kemajuan kerja.

Seramai 40 orang peserta terdiri daripada pelbagai bahagian dan cawangan di JKR Johor tidak melepaskan peluang menimba ilmu pengetahuan mengenai struktur, komponen utama pembinaan, pengurusan projek dan hiasan dalaman.

FAKTA!

Bangunan setinggi 118 tingkat mempunyai 3 fasa peringkat termasuk pusat komersial di bahagian bawah, hotel dan apartment.





MAJLIS SERAHAN PROJEK MUZIUM MERSING

JKR Daerah Mersing telah mengadakan satu majlis ringkas Serahan Projek Muzium Mersing kepada pihak pelanggan pada 13 Februari 2019 yang lalu.

Penyerahan tersebut diketuai Jurutera Daerah mewakili JKR Mersing manakala pihak pelanggan diwakili oleh Pengarah Yayasan Warisan Johor.



LAWATAN JKR TERENGGANU KE JKR JOHOR

JKR Terengganu mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat JKR Johor bagi bertukar pendapat, idea dan cadangan penambahbaikan antara kedua-dua jabatan. Lawatan JKR Terengganu ke JKR Johor telah disambut oleh Timbalan Pengarah Kerja Raya Johor, Ir. Haji Mohd Said Bin Sidik. Hadir sama, Jurutera Awam Penguasa Kanan, Ir. Haji A. Jalil Bin Sazali, Jurutera Awam Penguasa Bangunan, Ir. Haji Mohd Isa Bin Sulaiman dan pegawai kanan JKR Johor.

Rombongan JKR Terengganu telah dijemput melawat kawasan pejabat pengurusan dan bahagian-bahagian. Ucapan terima kasih di atas kesudian pihak rombongan dalam mengadakan lawatan ke Johor sambil menimba pengalaman dan ilmu selain berkongsi kejayaan antara agensi.







JABATAN KERJA RAYA JOHOR

Aras 3-5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak,
79582 Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim
No. Telefon: 07-2666987 Faks: 07-2661626
Portal Rasmi <http://jkr.johor.gov.my>

[facebook.com/JabatanKerjaRayaJohor](https://www.facebook.com/JabatanKerjaRayaJohor) | twitter.com/JKRJohor | [instagram.com/JKRJohor](https://www.instagram.com/JKRJohor)